

PERHATIAN EDITOR;

Dalam berita +Mahathir - Keselamatan+ harap baca...Korea Utara (Ulang)
Korea Utara, bukan Korea Selatan seperti yang dihantar.

Berikut ulangan berita berkenaan yang dibetulkan

JEPUN TIDAK HARUS RASA TIDAK SELAMAT, KATA MAHATHIR
Mahathir - Keselamatan

Daripada Azman Ujang

I

TOKYO, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau tidak nampak alasan bagi Jepun untuk terus terhutang budi kepada Amerika Syarikat bagi keselamatannya semata-mata kerana terasaterancam oleh negara-negara jiran seperti China dan Korea Selatan.

Ketika menjawab soalan daripada tokoh-tokoh perniagaan Jepun pada satu forum di sini, Dr Mahathir menimbulkan beberapa pertanyaan kepada Jepun kerana menyerahkan kepada Amerika untuk menjaga keselamatannya dan menganggap negara-negara seperti China dan Korea Utara sebagai musuh.

Seerti biasa, Dr Mahathir secara terus-terang bertanya: +Kami sedar bahawa Jepun mempunyai hubungan akrab dengan Amerika dan Amerika telah membabitkan diri dalam keselamatan Jepun sejak beberapa lama. Tetapi sampai bila Jepun akan meminta pertolongan Amerika melindunginya. Saya tidak nampak Amerika berupaya untuk melindungi Jepun.

Jepun sepatutnya memikul sendiri tanggung jawab berhubung dengan keselamatannya, kata Dr Mahathir yang mengaitkan persoalan keselamatan dengan sikap Jepun enggan mengambil keputusan mengenai perkara-perkara yang boleh menyinggung perasaan Amerika termasuk pendirian Jepun yang masih belum diputuskan samaada hendak menyokong Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang ditentang oleh Amerika.

+Adakah Jepun menganggap China atau Korea Utara musuh? Jikapun mereka musuhnya; adakah mereka berkemampuan untuk menyerang Jcpun? Apa faedah yang akan diperolehi negara-negara tersebut untuk menyerang Jepun?+ kata Dr Mahathir yang menyifatkan Jepun terlalu memikirkan tentang keadaan keselamatannya sendiri. --Lagi.

♥19/10/18-53MST

CNS0224

R GB 19-10 00176 BA481

aab

Mahathir - Keselamatan 2 Tokyo (Ulangan dengan pembedulan)

Dr Mahathir sebelum itu menyampaikan ucapandasaranya kepada lebih 300 tokoh perniayaan Jepun pada forum anjuran Institut Kajian Perdagangan dan Ekonomi. Mitsui dan Company.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menggesa Jepun supaya memainkan peranan lebih penting bagi menjamin keamanan dan keselamatan di samping mengatasi isu-isu ekonomi yang melanda dunia hari ini.

Semasa soal-jawab, Dr Mahathir berkata dengan mempunyai perasaan tidak selamat yang begitu mendalam dan hanya memikirkan tentang kemungkinan ancaman dari China atau Korea Utara, Jepun menjadi begitu curiga dan tidak yakin kepada negara lain.

Beliau berkata sudah tiba masanya bagi Jepun meletakkan keyakinan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) daripada Amerika kerana perancangan keselamatan dua halanya dengan Amerika tidak akan berguna sekiranya timbul faktor-faktor lain pada keadaan yang lebih rumit seperti peperangan.

Beliau mendapat tepukan apabila mencadangkan salah satu cara untuk mengelak peperangan ialah dengan melaga-lagakan musuh sesebuah negara dengan musuh lain seperti yang dilakukan oleh negara kami sejak berabad-abad berhubung tuntutan wilayah. -- Lagi.

19/10/18-54MST

CNS0268

R GB 19-10 00213 BA490

aab

Mahathir - Keselamatan 3 Tokyo

+Sekiranya negara Thai menyerang kami, kami jadikan British kawan kami. Tetapi jika British serang kami, kami mintapula pertolongan dari negara Thai. Saya tidak tahu samaada ia boleh dilakukan sekarang tetapi pada hakikatnya sebagai sebuah negara kecil, Malaysia perlu mempunyai ramai sahabat dan tidak terdaya untuk mempunyai musuh.+

Dr Mahathir memberitahu Jepun sekiranya ia dapat membawa kemakmuran ekonomi kepada negara-negara seperti China dan Korea Utara, beliau tidak nampak mengapa harus mereka berperang dengan Jepun.

+Sebenarnya, keadaan (dirantau Asia Timur) selalunya tegang teru tama selepas perang, tetapi sekarang tidaklah sebegitu buruk. Negara-negara tidak lagi perlu menyerang satu samalain,+ kata Perdana Menteri yang dalam ucapannya sebelum itu menyentuh kecenderungan melakukan pencerobohan antara Korea Utara dan Korea Selatan dan antara kedua-dua Korea dengan China dan R u s s i a , dan keadaan itu punca kepada segala optimism.

Beliau berkata adalah memadai bagi negara-negara mempunyai kemampuan yang mencukupi untuk melindungi mereka kerana sekiranya berlaku peperangan yang besar, seluruh dunia terdedah kepada bahaya serang dan bukan hanya Jepun sahaja.

+Pada perang yang lepas, kami tidak melakukan apa-apa kepada Jepun tetapi kami pula terbabit dalam perang itu kerana ia adalah perang dunia. Sekiranya berlaku perang sekali lagi ia adalah perang dunia. -- Lagi.

▼19/10/19-23MST

CNS0269

R GB 19-10 00165 BA491

aab

Mahathir -- Keselamatan 4 Tokyo

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata beliau tidak fikir satu lagi perang dunia akan berlaku memandangkan terdapat senjata-senjata yang canggih pada masa ini. +Saya kira hanya orang gila sahaja yang akan memulakan perang dunia memandangkan adanya senjata-senjata paling berkesan selarang+.

Perdana Menteri berkata keselamatan orang ramai pada masa depan lebih bergantung pada perundingan di meja bulat, pendekatan diplomatik dan persahabatan untuk mengurangkan ancaman peperangan supaya ia tidak menjadi satu faktor yang boleh mempengaruhi fikiran negara-negara seperti Jepun berhubung penubuhan sebuah pertubuhan seperti EAEC.

Dr Mahathir sekali lagi mengambil kesempatan itu untuk menerangkan kebaikan EAEC yang menurutnya dirangka menjadi sebuah kumpulan ekonomi, tanpa ambil pusing dengan ideologi atau keselamatan.

+Kami tidak kisah samaada China sebuah negara komunis atau Vietnam negara komunis, selagi mereka menyokong perdagangan bebas, mereka boleh menyertai EAEC. Jepun terlalum memberi penekanan kepada keselamatan seolah-olah ia berada dalam bahaya. Saya tidak fikir kita dalam bahaya, + tambahanya. -- Lagi.

▼19/10/19-24MST

CNS0339

U GB 19-10 00172 BA500

aab

Mahathir - Keselamatan 5 Tokyo

Padasatu ketika Dr Mahathir telah ditanya mengapa Malaysia kini membeli kelengkapan ketenteraan baru dan canggih sekiranya beliau tidak fikir negara-negara di rantau ini berada dalam bahaya terutama selepas berakhirnya Perang Dingin.

Xetika menjelaskan pembelian senjata Malaysia, beliau berkata Malaysia tidak terlibat dalam mana-mana perlumbaan senjata seperti yang dilaporkan oleh media massa asing.

+Apa yang dilakukan oleh Malaysia hanya untuk melengkapkan semula angkatan tentera darat kami yang kecil dan menggantikan peralatan yang telah ketinggalan zaman,+ katanya.

Malaysia hanya berhasrat mempunyai sebuah angkatan pertahanan yang boleh dibanggakan untuk menjaga keselamatannya seperti yang dilakukan oleh negara lain, kata beliau.

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata Malaysia sedang menggantikan pesawat-pesawat pejuang F-5 yang telah dibeli semasa negara mempunyai penduduk seramai 10 juta orang. Kini penduduknya meningkat kepada 18 juta.

+Pada mulanya kami mahu membeli pesawat Tornado dari Britain tetapi kemudian kami dapati kami tidak mempunyai cukup wang, jadi kami terpaksa mencari pesawat-pesawat canggih lain,+ tambahnya.-- Lagi.

▼19/10/20-17MST

CNS0359

R GB 19-10 00164 BG718

Mahathir - Keselamatan 6 -Tokyo

Perdana Menteri berkata bagitentera laut pula, Malaysia sangat-sangat memerlukan kelengkapan yang baru untuk menangani kegiatan lanun, penceroboh dan mengawasi lalulintas di Selat Melaka yang akhir-akhir ini berlaku banyak pelanggaran kapal-kapal yang menggunakannya.

+Sebenarnya Malaysia mempunyai tentera darat yang kecil jika dibandingkan dengan jumlah penduduknya. Jadi soalan kami menyertai perlumbaan senjata tidak timbul,+ katanya.

Dr Mahathir., yang dalam lawatan peribadi selama seminggu ke Jepun, diheri penghormatan berdiri oleh hadirin di akhir sesi itu dan ramai daripada mereka berebut-rebut bersalaman dengan beliau.

Beberapa ahli perniagaan yang ditemui kemudian memuji pemimpin Malaysia itu kerana memberi jawapan secara terus-terang yang mereka sifatkan jauh berbeza dengan pemimpin Jepun yang gemar menyembunyikan sesuatu dengan memberi jawapan yang kabur.

Goro Watanabe, pengarah urusan eksekutif Bahagian Perancangan Korporat Mi tsui and Co. Ltd, yang menaja forum itu, memuji Dr Mahathir dengan berkata ahli perniagaan Jepun memandanya tinggi terhadap kepimpinannya yang jitu dan berwihawa.-- Lagi

▼19/10/20-40MST

Mahathir - Keselamatan 7 (Akhir) Tokyo

Watanabe berka ta pandangan Dr Mahathir mengenai ancaman keselamatan serantau yang dirasai oleh Jepun adalah +sangat jelas+ dan memberangsangkan ahli perniagaan sepertinya.

Seorang lagi ahli perniagaan, Takuzo Maeda, yang' juga presiden Business International, bagaimanapun berkata Jepun perlu mengimbangi hubungan ekonomi yang sensitif dengan Amerika dengan minat mendalamnya untuk berdagang dan berniaga dengan Asia.

+Jepun masih perlu berhati-hati apabila mengeluarkan pandangan mengenai EAEC. Negara-negara ASEAN lain perlu memahami kedudukan amat sensitif kami dengan Amerika. Ini tidak boleh dielak,+ kata beliau.

Tetapi Maeda akur bahawa Jepun ke tandusan kepimpinan politik yang utuh seperti yang ditunjukkan oleh D @ Dr Mahathir untuk memadankar dengan keunggulan ekqnominya. --Bernama

19/10/20-40MST